

## KENYATAAN MEDIA

### SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN DI PETALING JAYA

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan di semua kawasan di Petaling Jaya.

Pihak Majlis telah melantik keseluruhan sebanyak 99 kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal di Petaling Jaya. Sebanyak 23 kontraktor akan bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas kutipan sisa pepejal dan 76 kontraktor lagi akan menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan di seluruh kawasan Petaling Jaya.

Sukacita dimaklumkan, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited dalam menjalankan tugas dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai khususnya penduduk Petaling Jaya.

Ingin dijelaskan lagi, pihak Majlis sentiasa menjalankan pemantauan di seluruh kawasan Petaling Jaya bagi memastikan sistem kutipan sampah yang di kawal selia oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa dalam keadaan terkawal.

Untuk makluman, sampah domestik merupakan komponen bahan buangan tidak bertoksid yang terdiri daripada sisa-sisa makanan dan sampah sarap dan juga benda-benda pukal daripada kawasan perumahan, perniagaan, sekolah dan kawasan-kawasan awam.

Sampah Pukal/Kebun pula merupakan sisa buangan seperti perabot-perabut lama, kayu, ranting dan cabang pokok, kulit pohon, rumput-rumput, dedaun, dan bahagian tumbuhan yang lain.

Pembersihan kawasan pula dikategorikan kepada dua iaitu Pembersihan Am dan juga Pembersihan Khas. Pembersihan Am merupakan aktiviti pemotongan rumput, sapuan jalan, pembersihan longkang dan membersihkan pasar malam atau pasar pagi. Pembersihan Khas pula adalah aktiviti-aktiviti pembersihan di jalan protokol, longkang besar, perangkap sampah dan pembersihan “Log Boom”.

Ingin dinyatakan lagi, kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan sampah kebun atau sampah pukal akan dilakukan 3 kali seminggu iaitu pada hari Isnin, Rabu, dsn Jumaat atau pada hari Selasa, Khamis dan Sabtu.

Sebagai makluman, pihak Majlis telah melantik sebanyak 66 kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan, 10 kontraktor untuk pengurusan "waste buster", dan sebanyak 23 kontraktor menjalankan kerja-kerja kutipan di sekitar kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai boleh menghubungi atau ke Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 9, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 79552381 atau talian Hotline Majlis 03 79542020. Orang ramai juga boleh melayari laman web Majlis [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) ataupun [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my).

Di sediakan oleh:

Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.